

KOSMO- ISNIN 13 MAC 2017

1,958 kanak-kanak catat rekod MBR ambil 3,000 pastil chewies



REKOD. Seramai 1,958 orang kanak-kanak mencipta rekod dalam Malaysia Book of Records (MBR) untuk Penyertaan Paling Ramai Bagi Sesasi Pengambilan Pastil Chewies Immunolicious dalam kategori Pencapaian Manusia di Sunway Lagoon, Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Program itu menyaksikan pengambilan kira-kira 3,000 pastil chewies immunolicious secara serentak oleh peserta daripada 30

sekolah rendah di Lembah Klang. Antara sekolah yang terbabit ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Desa, SK Damansara Utama dan SK Bandar Utama Damansara.

Ketua Pegawai Eksekutif AJ Research & Pharma Sdn.Bhd., Javed Ghulam Muhammad berkata, program tersebut diadakan bagi mendidik murid dan ibu bapa cara melindungi keluarga mereka daripada kuman dengan pembinaan sistem imun yang kuat.

JAVED GHULAM (kanan) bersama maskot Chewies (tengah) bergambar kenangan bersama sebahagian daripada peserta selepas mencatat rekod MBR di Petaling Jaya baru-baru ini.